

Nurul Azandra pelumba cilik

➔ Mengubah persepsi masyarakat wanita mampu menjadi pelumba motosikal yang baik

Oleh **Hai Rozzaman Jafal**
bhdidik@bh.com.my

► Muar

Bermula dengan mengikut ayahnya menonton perlumbaan motosikal cub pax sejak berumur tujuh tahun, menjadi satu dorongan untuk Nurul Azandra Qistina Shamsul Alam, 9, mencuba bidang yang begitu asing bagi seorang kanak-kanak perempuan.

Murid Sekolah Kebangsaan (SK) Dumpar, Muar, Johor itu mempunyai minat mendalam terhadap sukan permotoran, khususnya motosikal mini sekali gus mengubah persepsi masyarakat bahawa wanita juga mampu menjadi pelumba motosikal yang baik.

Pada usia semuda itu, Nurul Azandra mendapat sokongan penuh daripada bapanya, Encik Shamsul Alam Jais dan ibu, Puan Nurullinda Abu Bakar Al Sidek dalam mengembangkan bakatnya.

"Ibu dan ayah sentiasa memberi dorongan malah telah menubuhkan kelab Muar Minibike Racing

(MMR) pada Disember 2015 yang dianggotai 24 orang ahli dengan 15 orang penunggang," katanya.

► **Latihan**

Nurul Azandra yang juga anak tunggal berkata, bagi menamatkan teknik menunggang motosikal mini dengan betul, dia dan ahli kelab MMR akan mengadakan latihan pada setiap petang hari Jumaat dan Sabtu di Stadium Muar.

Walaupun umurnya masih kanak-kanak, Nurul Azandra Qistina sering menyertai pertandingan motosikal mini dan muncul sebagai peserta paling muda.

Dalam aspek akademik pula, Nurul Azandra merupakan pelajar pintar dan telah lulus program kemaskukan awal ke Tahun Satu pada usia enam tahun pada 2015.

► **Catur**

Beliau turut aktif dalam kegiatan kokurikulum apabila mewakili daerah Muar ke Action Song Peringkat Negeri Johor 2016, menyertai Kejohanan Tae Kwon Do Kebangsaan dengan men-



Nurul Azandra (tengah) bersama ibu dan ayahnya sebelum beraksi dengan motosikal mini.

dapat tempat ketiga Sparing Battle Bawah 9 Tahun 2015 di Petaling Jaya, Selangor manakala untuk kejohanan sama pada tahun 2016 di Melaka, beliau menduduki tempat kedua.

"Saya juga mendapat tempat kelapan dalam Pertandingan Catur Remaja 2015 manakala dalam Pertandingan Catur Sekolah Berprestasi Tinggi Kebangsaan 2015, saya mendapat pingat gangsa.

"Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita yang diimpikan dengan menabahkan masa di antara hobi dan akademik sehingga menghasilkan kejayaan," katanya.

profil

Nurul Azandra Qistina Shamsul Alam

Tarikh lahir: 9 Januari 2008
Nama ayah: Encik Shamsul Alam Jais
Nama ibu: Puan Nurullinda Abu Bakar Al Sidek
Hobi: Bernyanyi
Cita-cita: Doktor pakar

Nurul Azandra ingin menjadi penunggang Moto GP wanita negara yang berpotensi dan cemerlang.